



Perpustakaan Cendekiawan **Juara** Keseluruhan 5S Antara Pejabat Di UiTMT



Perpustakaan Cendekiawan telah memenangi 3 anugerah daripada 4 kategori yang dipertandingkan:

1

**JOHAN KESELURUHAN
5S ANTARA PEJABAT**

2

**TEMPAT PERTAMA
KATEGORI KREATIVITI PENGGUNAAN
UTILITI & PELABELAN**

3

**TEMPAT KE-3
KATEGORI SUSUN ATUR PEJABAT TERBAIK**

Pertandingan 5S Antara Pejabat 2009 anjuran Unit Kualiti UiTMT telah berlangsung sejak bulan Oktober 2009 hingga Januari 2010 dan penilaian dimulakan dengan penghakiman pertama pada 6 Januari 2010. Melalui saringan ini, 8 pejabat telah berjaya ke peringkat akhir termasuk Bahagian Perpustakaan. Bagi Kategori Meja Terbaik, 15 meja individu telah terpilih dari beberapa bahagian dan unit seperti berikut:

BAHAGIAN/ UNIT/ PEJABAT	JUMLAH MEJA
Bhg. Perpustakaan	4
Bhg. Bendahari	4
Bhg. Pentadbiran	3
Bhg. Hal Ehwal Akademik	2
Pejabat Kolej	2
Pejabat Pengarah	1
Unit Keselamatan	1

Dalam menayakan aktiviti ini, pelbagai kaedah dan kreativiti telah dihasilkan oleh staf perpustakaan bagi tujuan mempermudah tugas harian, menjimatkan masa berkerja dan wang universiti. Antara amalan terbaik yang dipraktikkan adalah:

- Menggunakan kod warna sebagai petunjuk pada label-label pada suis elektrik, kabinet dan fail serta tempat meletak troli buku mengikut ruang yang ditetapkan.
- Menyediakan maklumat keberadaan staf pada setiap meja untuk memudahkan urusan.
- Mempamerkan nama dan gambar staf yang bertanggungjawab memantau dan memastikan tandas, bilik rehat dan bilik mesyuarat agar sentiasa menepati amalan 5S dan berkeadaan baik.

Aktiviti seumpama ini secara tidak langsung telah menyuburkan budaya kerja yang sihat di dalam melahirkan kreativiti untuk menambahkan persekitaran tempat kerja di jabatan masing-masing. Amalan ini juga diharap menjadi satu budaya bagi seluruh warga UiTMT dan tidak hanya terhasil melalui pertandingan bagi mewujudkan persekitaran kerja yang lebih kondusif ke arah meralisasikan UiTM Kampus Lestari melalui langkah-langkah dan penjimatan yang telah dikenalpasti.

Dari Meja TIMBALAN KETUA PUSTAKAWAN

Sidang Pengarang

Penaung :
**YM Prof Madya Tg Yusof
Tg Mahmud**

Penasihat :
Puan Anuar Awang

Ketua Pengarang :
Selamah Md Yunos

Pengarang :
Rahamah Abdul Ghafar

Rekabentuk & Grafik :
**Widawati Ariffin
Nur Rabita Rouzan
Mohd Shahnizam Mat Zain**

Penyunting :
Rahamah Abdul Ghafar

Pentadbiran / Promosi :
**Jamal Ikhwani Mohamad
Rohaida Yusof
Nor Azrina Hasbullah**

" Walaupun berbangga dengan apa yang telah dicapai, kita tidak seharusnya leka dan lupa bahawa masih banyak perkara dan tugas yang perlu kita laksanakan. Perancangan yang jitu, komitmen yang padu daripada semua staf amat penting untuk merealisasikan setiap dasar yang ditetapkan."



Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera

Masa berlalu begitu pantas, kini tahun 2009 telah sampai ke penghujungnya. Alhamdulillah di sepanjang tempoh mengharungi tahun 2009, semua warga kerja perpustakaan telah berjaya memberi sumbangan serta komitmen yang tinggi dalam usaha meningkatkan pencapaian perpustakaan.

Sepanjang tahun 2009, banyak kejayaan diperolehi oleh pihak perpustakaan, antaranya kita berjaya memperolehi Audit Bersih yang diberikan oleh pihak Auditor Llyods melalui Audit Surveillance 1 Pensijilan MS ISO 9001:2008 PUiTM yang berlangsung pada 13 Oktober 2009.

Pengiktirafan juga turut diterima dari pengurusan UiTM Terengganu sempena Majlis Pelancaran Bulan Kualiti UiTM Terengganu yang telah diadakan pada 14 Disember 2009, di mana Perpustakaan berjaya merangkul Anugerah Pengukuran Kepuasan Pelanggan Terbaik, Anugerah Analisa Data Terbaik dan sekaligus dinobatkan sebagai Bahagian Terbaik 2009.

Walaupun berbangga dengan apa yang telah dicapai, kita tidak seharusnya leka dan lupa bahawa masih banyak perkara dan tugas yang perlu kita laksanakan. Perancangan yang jitu, komitmen yang padu daripada semua staf amat penting untuk merealisasikan setiap dasar yang ditetapkan oleh pihak universiti/ kerajaan.

Akhir kalam saya mengambil kesempatan ini mengucapkan selamat menyambut tahun baru 2010. Bersama-samalah kita memperbaiki kelemahan atau kekurangan yang ada bagi memperkasakan bahagian ini agar ianya sentiasa disegani, terus dihormati serta sentiasa dapat meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan.

Antara piala yang dimenangi Perpustakaan Cendekiawan sepanjang tahun 2009



Anugerah
Analisa Data
Terbaik 2009



Anugerah
Pengukuran
Kepuasan Pelanggan
Terbaik 2009



IID 2009



MTE 2009



Juara Landskap Terbaik
Antara Bahagian 2009

Oleh: Nur Rabita Rouzan

**"Orang Haji Dari Jeddah,
Buah Kurma Berlambak-lambak,
Pekerjaan Pembantu Pemuliharaan Bukanlah Mudah,
Bagai Kerja Menolak Ombak"**

Jubli emas layak diberikan kepadanya kerana usianya yang sudah pun menjangkau lebih dari 51 tahun. Bahagia bersama seorang isteri dan 5 orang anak serta seorang cucu. Anak jati Terengganu ini mendapat pendidikan awal di sekolah aliran Inggeris di "Dungun Primary dan Secondary School" yang kini dikenali sebagai Sekolah Kebangsaan / Menengah Sultan Omar, Dungun. Seorang yang mudah didekati, amat disenangi oleh orang dikelilinginya serta gemar berbasikal di waktu senggang. Beliau yang dimaksudkan ialah Encik Zakariah Bin Salleh atau lebih mesra dengan panggilan Pok Ya.

Perjalanan kariernya bermula seawal usia 17 tahun. Tanggal 15 Jun 1975 merupakan tarikh keramat baginya kerana diterima berkerja di ITM Terengganu (Kampus sementara di Sura Gate, Dungun). Beliau juga antara staf yang paling lama berkhidmat di UiTM Terengganu. Kerjayanya bermula sebagai Pelayan Perpustakaan (1975 - 1981), Penjilid Buku (1982 - 1990), Juru Jilid Tingkatan Kanan pada tahun 1991 dan sebagai Pembantu Pemuliharaan pada tahun 2005.

Menggalas jawatan sebagai Pembantu Pemuliharaan bukanlah kerja yang mudah kerana sentiasa berhadapan dengan bermacam-macam peralatan dan mesin jilidan. Pernah beberapa kali beliau mengalami kecederaan semasa melakukan tugas namun baginya ia ibarat, alah bisa tegal biasa.

Di era 80an, Pok Ya sangat aktif bersukan khususnya dalam permainan ping pong. Pernah meraih beberapa kejayaan yang turut menyumbang menaikkan nama UiTMT melalui pertandingan yang disertai. Sehingga kini permainan ping pong tetap menjadi hobi beliau di masa lapang.

Menurut Pok Ya, kenangan paling manis yang tidak dapat dilupakan sewaktu mula bertugas adalah berkaitan hubungan di antara staf dan pelajar sangat rapat dan akrab, umpama abang dan adik. Namun saat itu tidak lagi dapat dikecapi kini kerana populasi staf dan pelajar kini semakin bertambah.

Sepanjang tempoh 34 tahun berkhidmat, beliau telah menerima Anugerah Staf Cemerlang sebanyak 3 kali iaitu pada tahun 1986, 2000 dan 2008.

Pengiktirafan ini diberi berdasarkan ciri-ciri kualiti kerja dan peribadi yang sentiasa beliau tunjukkan. Pok Ya boleh dianggap sebagai contoh terbaik kepada semua staf Perpustakaan Cendekiawan. Apa kata pegawai dan rakan sekerja mengenai beliau;

" Beliau seorang yang amat bertanggungjawab apabila diberikan tugas. Sebagai contoh, sampai tengah malam pun beliau sanggup datang dan habiskan tugas, cepat, tepat sebab beliau faham kehendak majikan/orang yang berurusan dengannya. Satu lagi beliau ni mudah terima dan beri pandangan berkaitan apa-apa bidang"

Cik Selamah Md. Yunos - Pustakawan Tingkatan Kanan

"Secara jujur, beliau seorang rakan yang baik, pandai bergurur tidak memilih dalam berkawan. Beliau begitu komited dengan kerja yang dilakukan, kualiti kerjanya juga baik, seorang yang serba boleh, banyak idea dan yang penting banyak pengalaman khususnya dalam bidang jilidan"

Encik Abd Halim- Pembantu Perpustakaan Kanan

"Seorang yang sangat berpengalaman kerana beliau merupakan staf yang paling lama berkhidmat di perpustakaan. Tidak ada masal untuk kita minta kerjasama atau pertolongan darinya"

Puan Widawati- Pembantu Perpustakaan



Kolokium KIK di UiTM Terengganu : Kumpulan C7 Berkongsi Pengalaman

Oleh : Widawati Ariffin

Sesi perkongsian ilmu mengenai pelaksanaan projek KIK telah diadakan di Auditorium Cemara, UiTM Terengganu pada 16 September 2009. Program ini adalah julung kalinya diadakan oleh Penyelaras KIK UiTMT, bermatlamat untuk memberi pendedahan kepada kumpulan baru tentang proses KIK, persiapan dan langkah-langkah yang perlu dilakukan semasa menjalankan projek. Sambutan terhadap program ini amat menggalakan, di mana wakil dari hampir semua bahagian telah menghadirinya, termasuk dari Kampus UiTM Kuala Terengganu.

Puan Fatimah Yusof - Pembantu Perpustakaan Kanan dan Puan Widawati Ariffin -Ketua Kumpulan C7 telah diberi penghormatan untuk membentang projek KIK perpustakaan yang telah memenangi Anugerah Teknikal Terbaik pada tahun 2008. Peluang ini telah digunakan oleh kumpulan untuk berkongsi ilmu dan pengalaman

dalam menjayakan projek KIK perpustakaan. Melalui kolokium ini juga, peserta telah didedahkan dengan penggunaan tools baru KIK oleh Encik Bharim Awang, Penyelia Asrama Kanan. Sementara itu, Encik Harnizam Zahari, Pensyarah dari Fakulti Hotel UiTMT pula menerangkan cara untuk memproses permohonan Paten dan perlunya jalinan hubungan dengan pihak industri bagi mengkomersialkan hasil ciptaan KIK dengan cepat berbanding dengan proses biasa yang mengambil masa yang lama untuk mendapat kelulusan.

Selain dari berkongsi ilmu dan pengalaman, semua kumpulan KIK UiTMT juga berpeluang mengetahui perancangan dan usaha-usaha yang bakal di laksanakan oleh pihak penyelaras KIK UiTMT bagi memastikan setiap kumpulan mendapat bimbingan dan bantuan yang sewajarnya bagi memastikan projek masing-masing dapat dilaksanakan dengan lancar.

PROGRAM CERIA BERSAMA KANAK - KANAK

Oleh : Mohd Shahnizam Mat Zain


Pada 3 Oktober 2009 bersamaan 14 Syawal 1430H, Perpustakaan Cendekiawan sekali lagi turun padang dalam menjayakan program Ceria Bersama Kanak-kanak di Perpustakaan Awam Al-Mukhtaffi Billah Shah (AMBS) sebagai salah satu sumbangannya dalam perkhidmatan komuniti. Program ini adalah anjuran bersama Perpustakaan Cendekiawan UiTM Terengganu dengan pihak Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH).

Mengikut perancangan awal, program ini sepatutnya berlangsung pada 8 Ogos 2009 tetapi terpaksa ditangguhkan sebagai langkah pencegahan penularan wabak H1N1 yang semakin membimbangkan ketika itu. Penglibatan Ahli Kelab SKATERS UiTMT yang menjadi nadi penggerak dalam menjayakan setiap program anjuran bersama Perpustakaan Cendekiawan terpaksa dilupakan buat sementara waktu. Program yang dirancang akhirnya dapat dilaksanakan pada awal Oktober dengan bantuan Ahli Jawatankuasa yang dilantik dari kalangan staf Perpustakaan Cendekiawan serta dibantu oleh staf dari Perpustakaan AMBS.

Pengorbanan AJK pada hari minggu untuk membuat persiapan program di ternyata berbaloi dengan sambutan yang diberikan oleh kanak-kanak yang hadir. Kehadiran seramai 80 orang peserta ini sudah cukup membuatkan suasana bertukar ceria apabila diserikan dengan tayangan filem kegemaran kanak-kanak masa kini iaitu "Upin & Ipin: Geng - Pengembaraan

bermula" yang menjadikan pembuka tirai program ini lebih menarik.


Bermula pada pukul 8.00 pagi dan berakhir 12.00 tengahari, pelbagai aktiviti telah diadakan seperti Jejak Maklumat (*Info Seeker*), Mari Mengeja (*Spelling Contest*) dan Mari Menyusun (*Jigsaw Puzzle*). Setiap aktiviti ini dibuka untuk kanak-kanak yang berumur 7 hingga 12 tahun.



Pelbagai telatah dan kerenah dapat disaksikan di kalangan peserta sepanjang program ini berlangsung. Kenangan dan kemenangan setiap peserta juga turut dirakamkan dan diabadikan dalam sesi fotografi bersama AJK. Ternyata program yang dianjurkan ini berjaya mempromosi perpustakaan, memupuk semangat kerjasama dan silaturrahim di kalangan kanak-kanak serta warga kerja perpustakaan dan dapat memartabatkan budaya cintakan ilmu.

SEKITAR 'BOOTH' HARI KUALITI UiTMT

Oleh : Widawati Ariffin



Persiapan
'Booth'



AJK 'Booth'



Pengunjung
'Booth'



Pemenang 'Booth' Terbaik:
Perpustakaan Cendekiawan



Pemenang Kuiz "Booth"
Perpustakaan

BERITA BERGAMBAR AKTIVITI STAF PERPUSTAKAAN

Penghargaan Kepada Staf 2009



Anugerah Staf Cemerlang
Bahagian Perpustakaan 2009



Anugerah Staf Berinisiatif
Bahagian Perpustakaan 2009



Anugerah Meja 5S Terbaik
Bahagian Perpustakaan 2009



Aktiviti Berkala :Mesyuarat
Staf Perpustakaan : 10 Disember 2009



Penceramah sedang
menyampaikan
taklimat



Staf khusyuk mendengar
ceramah...



Bengkel Komunikasi Berkesan Untuk Staf
Perpustakaan - 31 Disember 2009



Pembelian pakaian
Hari Raya



Pembelian barang-barang
keperluan harian

Kebajikan & Keprihatinan Terhadap Staf yang memerlukan....

Alhamdulillah Audit Pengawasan 1 ISO 9001 : 2008 Di PUiTM Terengganu - NCR Sifar berjalan dengan lancar mengikut jadual yang dirancang. Kedatangan Encik Mohd Ramli Mohd Daud, Penilai dari Lloyd's Register Quality Assurance Limited (LRQA) memang mendebarakan, namun kehadiran pihak pengurusan PTAR UiTM Shah dan komitmen tinggi yang ditunjukkan oleh semua staf dalam menyediakan persiapan dan keperluan audit telah memudahkan dan melancarkan lagi proses audit pengawasan yang dijalankan.



Skop pemeriksaan oleh Lloyd's pada kali ini adalah berkisar tentang peranan perpustakaan cawangan dalam menyedia dan menyebarkan maklumat kepada warga UiTM untuk menyokong organisasi ke arah Universiti Penyelidikan.

Sehubungan itu beberapa perkara telah diberi penekanan oleh pihak Lloyd's terutama yang berkaitan dengan:

- Penggunaan pangkalan data atas talian dan rujukan kepada jurnal berimpak tinggi
- Peranan Pustakawan dalam mempromosi perkhidmatan dan usaha - usaha berkaitan dengannya yang dijalankan oleh pihak perpustakaan
- Isu-isu maklumbalas dan kepuasan hati pelanggan
- Pencapaian objektif kualiti
- Tindakbalas penemuan hasil audit dalam
- Tindakan pembetulan dan pencegahan yang telah diambil
- Penyelenggaraann ICT
- Keberkesanan penggunaan suhu serta pencahayaan dalaman perpustakaan.

Hasil pemeriksaan rekod, temubual dan pemerhatian oleh pihak Lloyd's, didapati Perpustakaan Cendekiawan UiTM Terengganu telah dapat mematuhi dan memenuhi kesemua keperluan Sistem Pengurusan Kualiti Perpustakaan UiTM berpandukan standard sistem kualiti ISO 9001: 2008 dalam menyokong, membantu dan menyediakan prasarana pembelajaran kepada warga Universiti bagi menjalankan aktiviti pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan.



Walaubagaimanapun beberapa perkara telah dicadangkan bagi tujuan penambahbaikan SPK perpustakaan, antaranya :

- Talian mengakses maklumat perlu ditingkatkan kerana terlalu lambat
- Pangkalan data atas talian yang menyediakan rujukan kepada jurnal berimpak tinggi perlu ditingkatkan lagi penggunaannya dikalangan pengguna perpustakaan.
- PC yang dibakal dilupus, perlu dipadamkan maklumat jabatan yang terdapat di dalamnya sebagai tindakan pencegahan agar maklumat tersebut tidak tersebar kepada pihak luar.
- Suhu dan kelembapan dalam perpustakaan perlu dibuat pemantauan berkala agar menepati standard yang ditetapkan.
- Aduan yang diterima perlu dibuat pemantauan dan tindakan pembetulan, serta pastikan masalah yang hampir sama tidak berulang kembali.

- Tindakan pencegahan yang dibuat perlu dimaklumkan kepada pelanggan.



Sesungguhnya komitmen yang tinggi, kerja berpasukan dan perkhidmatan mengutamakan pelanggan akan sentiasa diterapkan di dalam budaya kualiti staf perpustakaan.

Penambahbaikan yang berterusan, peka kepada kehendak dan keperluan pelanggan yang sentiasa berubah akan terus menjadi misi Perpustakaan Cendekiawan dalam melahirkan warga universiti yang bermaklumat dan tenaga kerja yang kreatif dan berinovasi.



Mendengar penerangan dan komen dari En. Mohd Ramli Mohd Daud Penilai dari Lloyd's





Bergambar kenangan dengan pihak Lloyd's dan wakil pengurusan PTAR

PANDUAN Mencari Jurnal Elektronik Menggunakan 'TOOL' SERIALS SOLUTIONS


Oleh : Rahamah Abd. Ghafar

Serials Solutions adalah Pusat Carian Setempat bagi mengakses jurnal elektronik yang dilanggan oleh PTAR UiTM Shah Alam. Kemudahan ini boleh diguna samada di dalam atau luar kampus. Untuk penggunaan di luar kampus pengguna perlu mendapatkannya melalui perkhidmatan Ezaccess.

1. Akses melalui ezaccess - <http://ezaccess.library.uitm.edu.my/login>





2. Pilih Serials Solutions




4. Lokasi jurnal di dalam pangkalan data atas talian. Bermaksud jurnal ini terdapat didalam pangkalan data Business Source Complete dan Business Source Premier (EBSCO Host) serta Emerald Management Xtra Plus mengikut tahun yang dinyatakan. Pilih pangkalan data yang ingin dirujuk.

5. Pilih tahun, isu atau keluaran jurnal
CONTOH - Howard, L. W. (1998). Validating the competing values model as a representation of organizational cultures. International Journal of Organizational Analysis, 6(3),

3. Masukkan judul jurnal - search



6. Dapatkan artikel yg diperlu, pilih PDF Full Text



SELAMAT BERTUGAS....

STAF BARU



Mohd Shahnizam M. Zain
Pustakawan
Kampus Bukit Besi
Mula Bertugas : 16/07/2009



Nur Rabita Rouzan
Pustakawan
Kampus Dungun
Mula Bertugas : 16/08/2009



Nor Azimahwati Aris
Pembantu Perpustakaan
Kampus Bukit Besi
Mula Bertugas : 03/01/2010



Nur Rohaya Razali
Pembantu Perpustakaan
Kampus Dungun
Mula Bertugas : 15/10/2009



Mohd Rahimee Mohd Ramli
Pembantu Pemuliharaan
Kampus Kuala Terengganu
Mula Bertugas : 15/10/2009



Mohd Hamyasha Yusof
Pembantu Pemuliharaan
Kampus Kuala Terengganu
Mula Bertugas : 01/10/2009

TAHNJAH...KENAJKAN PANGKAT



Zakariah Saleh



Ayub Ismail



Mohamad Zulkifli Hassan

Jawatan : Pembantu Pemuliharaan
Jawatan Baru : Pembantu Pemuliharaan Kanan



Fauzee Ngah

Jawatan : Pembantu Perpustakaan
Jawatan Baru : Pembantu perpustakaan Kanan




Kamariah Ahmad

Jawatan : Pembantu Tadbir Perkeranian
Jawatan Baru : Pembantu Tadbir Perkeranian Kanan

CAHAYAMATA BARU



Pasangan:
En. Faizulkarnain Mamat & Pn. Zulmanin Roni
Nama Anak : Nurul Ain Qistina Binti Faizulkarnain
Tarikh Lahir : 31 Mei 2009



Pasangan:
En. Yusof Abdullah & Pn. Zamani Mamat
Nama Anak : Husna Madiha Binti Yusof
Tarikh Lahir : 05 September 2009



SEMOGA Berbahagia.....

*Lantaran adanya wanita, alam menjadi indah,
lantaran adanya lelaki dunia menjadi sempurna.
Lantaran adanya lelaki dan wanita terkadang
sempurnalah suatu kelemahan
di sebalik suatu kekuatan*
DR. HM TUAH ISKANDAR al-Haj



Pasangan:
Nor Azrina Hasbullah &
Nik Abdul Hafiz Fikri Bin Nik Ahmad
Tarikh Perkahwinan : 31 Mei 2009



Pasangan:
Ahmad Faiz Mohd Lazim &
Harshani Binti Alias
Tarikh Perkahwinan : 22 Sept 2009



Pasangan:
Nur Rohaya Razali &
Darmizi Bin Dilah
Tarikh Perkahwinan : 04 Dis 2009